

14 DEC 1997

Ghapur

GHAPUR TETAP DENGAN KEPUTUSAN LETAK JAWATAN

KOTA KINABALU, 14 Dis (Bernama) -- Datuk Abdul Ghapur Salleh yang mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan negeri serta jawatannya dalam Umno Sabah, hari ini berkata beliau tidak berganjak daripada keputusan itu.

"Saya tetap dengan keputusan itu. Ini soal prinsip. Saya fikir saya gagal melaksanakan tugas, jadi saya undur dirilah," katanya ketika dihubungi di sini.

Semalam, Ghapur, 54, yang juga anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Merotai, mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan berkuatkuasa Khamis ini manakala bagi jawatan Timbalan Ketua Perhubungan Umno Sabah berkuatkuasa serta-merta.

Beliau meletakkan ketiga-tiga jawatan itu kerana ia adalah jawatan dilantik dan hanya mengekalkan jawatannya sebagai Ketua Umno Bahagian Tawau kerana beliau dipilih ke jawatan itu.

"Saya akan terus bersama dengan Umno. Inilah satu-satunya parti yang saya akan terus bersama sehingga saya akhir hayat," katanya.

Ghapur berkata, beliau akan menumpukan perhatian dalam bidang perniagaan selepas ini.

Ketika ditanya sama ada peletakan jawatan itu boleh menjejaskan persediaan Barisan Nasional (BN) bagi pilihan raya akan datang, beliau berkata: "Saya rasa tidak, apa lagi saya tidak meninggalkan BN. Lebih-lebih lagi pilihan raya hanya pada 1999."

Mengenai hubungannya dengan pemimpin BN negeri, Ghapur berkata ia sangat baik.

Ghapur kemudian mengadakan pertemuan dengan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Osu Sukam di kediaman beliau (Ghapur) di Likas hari ini sebelum Osu berlepas ke Kuala Lumpur.

Ditanya mengenai pertemuan itu, Ghapur berkata, beliau telah menjelaskan keputusannya kepada Osu dan menyerahkan kepada pucuk pimpinan parti untuk membuat keputusan.

Beliau akan menulis surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung keputusannya untuk meletakkan jawatan sebagai anggota Kabinet negeri dan dalam Umno Sabah. -- BERNAMA

NT PR